



PENDIDIKAN

ARKIB : 12/09/2002

IAB latih sumber intelek pendidikan

INSTITUT Aminuddin Baki (IAB) terus diberi mandat melatih sumber intelek bagi membangunkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang pengurusan pendidikan.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat berkata, selaku sayap latihan bagi Kementerian Pendidikan, IAB mengorak langkah mewujudkan Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) pada Mei tahun 2000.

``Program ini bertujuan mewujudkan barisan pelapis pemimpin dan pengurus pendidikan di peringkat sekolah yang berketerampilan, berwibawa dan sentiasa berfikiran futuristik," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Sijil Kelayakan NPQH dan Diploma-Diploma IAB di Genting View Resorts, Genting, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Pengarah IAB, Datuk Dr. Wan Chik Rahmah Wan Din.

Menurut Rafie, kerajaan mempunyai wawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pada abad ke-21.

Katanya, teras kepada pencapaian wawasan dan aspirasi bergantung kepada kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

``Kita boleh mengadakan segala kemudahan dan sistem terancang bagi sektor pendidikan tetapi keberkesanannya akan terjejas sekiranya kita tidak mempunyai tenaga pengurusan dan kepimpinan yang mantap dan cekap," katanya.

Terdahulu dalam majlis, Rafie menyampaikan sijil dan diploma kepada 174 orang warga pendidik, pengurus dan pemimpin pendidik dari seluruh negara yang mengikuti program latihan kemahiran di IAB bagi sesi 2000/2001.

Seramai 58 orang menerima Sijil Kelayakan NPQH seramai 58 orang, diikuti Diploma Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan (33 orang), Diploma Pengurusan Pendidikan Komuniti (18 orang), Diploma Pengurusan Sumber Manusia (37 orang) dan Diploma Pengurusan Kualiti (28 orang).

Sementara itu, dua peserta yang ditemui iaitu Rahimah Mohd. Sura, 48, dan Vellan a/l Raman, 43, masing-masing menerima Diploma Pengurusan Kualiti dan Sijil Kelayakan NPQH amat berpuas hati dengan latihan kemahiran yang diikuti sepanjang tempoh program.

``Program yang disediakan benar-benar relevan dan berkualiti apatah lagi ia berteraskan sistem latihan kemahiran dari United Kingdom.

``Saya harap semua warga pendidik, pemimpin dan pengurus pendidikan diberi peluang mengikutinya," kata Rahimah yang merupakan Pengetua Sekolah Menengah Jelapang Jaya, Ipoh, Perak.

Bagi Vellan, pengalaman mengikuti program NPQH akan memantapkan lagi maklumat beliau dari pelbagai aspek merangkumi pengurusan, kepimpinan kewangan dan komuniti secara keseluruhan.

``Pendedahan ini amat berguna untuk diaplikasikan dalam pengurusan pendidikan di semua sekolah," kata Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Mohd. Yusoff Linggi, Port Dickson, Negeri Sembilan itu.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0912&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_02.htm#ixzz2vdj7d6bD

© Utusan Melayu (M) Bhd